

Hasrat PBDS sertai BN3

Semua pihak mesti ikhlas

Oleh WAN HAMIDI HAMID

SUBANG, Khamis — Hubungan di antara Barisan Nasional Sarawak (BN3) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) patut diwujudkan semula dengan syarat semua pihak ikhlas melaksanakannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Barisan Nasional (BN) Pusat yang menyokong pemulihan hubungan kedua-dua pihak berharap mereka menunjukkan keikhlasan untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan komponen BN.

"Pihak saya sudah menyatakan kita akan mengkaji kemungkinan PBDS menyertai semula BN Sarawak. Tetapi ini adalah soal Sarawak.

"Di peringkat Pusat kita memang menerima PBDS. Selain itu, kebanyakannya terpujanglah kepada rakan-rakan BN di Sarawak," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Maharaja Akihito dan Maharani Michiko di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Kelmarin, Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie, meminta maaf secara terbuka kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, yang juga Pengerusi BN3 dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) atas segala kesilapannya, sebagai membuktikan keikhlasan PBDS menyertai semula BN.

Ditanya mengapa wujud arah aliran parti komponen

BN di Semenanjung menyokong penyertaan PBDS dalam BN Sarawak tetapi BN3 sendiri seolah-olah enggan menerimanya, Perdana Menteri berkata, mereka yang terbabit secara langsung mungkin mempunyai pendirian yang berlainan sedikit.

"Kita pula tidak terbabit secara langsung. Oleh itu, kita harus faham perasaan di waktu ini. Tetapi saya yakin ini adalah fenomena sementara saja," katanya.

Ditanya sama ada tuntutan BN3 yang meminta PBDS bukan saja meminta maaf kepada Tan Sri Haji Abdul Taib tetapi juga kepada rakyat Sarawak dianggap keterlaluan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkara itu boleh dibincangkan bersama oleh BN.

Semalam, Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Timbalan Presiden PBB, Datuk Amar Alfred Jabu, menyatakan Datuk Moggie mesti meminta maaf kepada rakyat di luar bandar jika parti itu benar-benar jujur mahu kembali ke pangkuan BN3.

Beliau mencadangkan Datuk Moggie mengetuai pemimpin PBDS lain untuk pergi ke rumah panjang di kawasan pedalaman dan meminta maaf secara terbuka di

LIHAT MUKA 2

Pendirian Moggie harus diambil kira

DARI MUKA 4 OCT 1994

depan orang ramai.

Menjawab soalan sama ada PBDS patut meminta maaf secara terbuka kepada rakyat Sarawak, Perdana Menteri berkata: "Saya berpendapat apa yang dinyatakan oleh Datuk Leo Moggie mencerminkan pendirian PBDS dan itu saya fikir harus diambil kira."

PBDS yang menyertai BN Sarawak pada 1983 dengan sokongan Tan Sri Haji Abdul Taib, meninggalkannya selepas 'krisis Ming Court' untuk bertanding sebagai pembangkang menentang BN3 dalam pilihan raya negeri pada 1987.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengetuai rombongan kenamaan Malaysia menghantar keberangkatan pulang Maharaja dan Maharani Jepun yang akan ke Indonesia selepas membuat lawatan rasmi ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, lawatan Maharaja dan Maharani Jepun ke Malaysia penting kerana ia dapat merapatkan lagi hubungan diplomatik dan rakyat kedua-dua negara.

"Maharaja Akihito kini lebih memahami perasaan dan pandangan rakyat Malaysia terhadap Jepun. Baginda sendiri berminat menggalakkan hubungan lebih rapat di antara rakyat Malaysia dan Jepun," katanya.

Menurutnya, pelaburan Jepun ke Malaysia juga mungkin bertambah jika hubungan kedua-dua negara dapat ditingkatkan.